

KETERANGAN DATA

Keterangan Mengenai Lapisan Maklumat Geospasial di dalam CPS

Indeks	Nama Lapisan	Penerangan
A	Addendum (2015-2018)	Merujuk kepada kelulusan Perintah Pembangunan yang tidak selaras dengan zon guna tanah dan intensiti pembangunan PBRKL 2020.
J	Jalan	Merujuk kepada rangkaian jalan raya sedia ada.
K	Koridor Tepian Sungai	Merujuk kepada kawasan di mana keperluan untuk koridor tepian sungai akan dikenakan ke atas cadangan pembangunan. Keperluan koridor tepian sungai ini bertindih dengan Zon Guna Tanah.
L	Lot Kadaster JUPEM	Merujuk kepada lot-lot tanah yang telah diukur halus oleh JUPEM yang mengandungi perincian perihal tanah seperti nombor lot, negeri, daerah, mukim dan lain-lain.
	Laluan MRT 1	Merujuk kepada rangkaian laluan Mass Rapid Transit 1.
	Laluan Monorel	Merujuk kepada rangkaian laluan Monorel.
	Laluan LRT	Merujuk kepada rangkaian laluan Light Rail Transit.
	Laluan ERL-KLIA	Merujuk kepada rangkaian laluan Express Rail Link-Kuala Lumpur International Airport.
	Laluan KTM	Merujuk kepada rangkaian laluan Keretapi Tanah Melayu.
	Lebuhraya	Merujuk kepada rangkaian lebuhraya sedia ada.

KETERANGAN DATA

M	MRT Rezab Pengambilan Tanah	Merujuk kepada tanah-tanah yang terlibat dalam rezab pengambilan tanah MRT.
P	Peta Indeks Perancangan	Memaparkan nombor indeks yang merujuk kepada helaian peta-peta mengenai pengezonan dan intensiti di dalam dokumen PBRKL 2020 Jilid 2.
R	Rezab SMART Tunnel	Merujuk kepada jajaran rezab SMART Tunnel.
S	Sempadan WPKL Sempadan Parlimen Sempadan Zon Strategik Sempadan Kawasan Perancangan Stesen Rel	<p>Merujuk kepada garisan sempadan WPKL yang menentukan had kawasan pentadbiran DBKL.</p> <p>Merujuk kepada garisan yang menentukan had sempadan kawasan yang ditetapkan oleh SPR.</p> <p>Merujuk kepada kawasan persempadanan mengikut enam (6) zon strategik Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL 2020).</p> <p>Merujuk kepada kawasan persempadanan bagi pengurusan kawalan perancangan di Kuala Lumpur yang terdiri daripada 10 kawasan perancangan.</p> <p>Merujuk kepada stesen @ terminal bagi pengangkutan rel seperti LRT, KTM, MRT, Monorel.</p>
Z	Zon Guna Tanah dan Intensiti	Merujuk kepada kawalan terhadap kegunaan tanah dan bangunan yang terdapat di dalam Zon Guna Tanah yang mengandungi maklumat kegunaan tanah yang ditetapkan untuk setiap plot tanah di Kuala Lumpur. Ini termasuk tanah dizonkan untuk kediaman, perdagangan,

KETERANGAN DATA

		<p>pembangunan bercampur, perindustrian, taman teknologi, kawasan lapang awam, kawasan lapang swasta, kemudahan awam dan zon guna tanah lain.</p> <p>Zon guna tanah ini perlu dibaca bersama-sama dengan Kaedah-kaedah (Perancangan) (Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2018 yang boleh dicapai modul peta.</p>
	Zon Warisan	<p>Merujuk kepada tanah dan bangunan di kawasan tertentu yang tertakluk kepada dasar dan garis panduan tambahan dalam memastikan pembangunan di kawasan ini dijalankan dengan mengambil kira bentuk, karakter dan skala tapak serta bangunan bersejarah sedia ada. Zon warisan termasuk kawasan yang mempunyai nilai estetik, bersejarah, kepentingan budaya atau kepentingan lain untuk generasi Kuala Lumpur.</p>
	Zon Kawalan Ketinggian	<p>Merujuk kepada kawalan lapisan tambahan terhadap ketinggian bangunan baru yang terletak dalam zon kawalan ketinggian yang ditetapkan di Bandar Raya.</p>
	Zon Perancangan Transit	<p>Merujuk kepada lapisan kawalan tambahan terhadap stesen transit yang ditetapkan di mana intensifikasi pembangunan bagi kawasan di dalam zon perancangan transit (iaitu 400 meter radius dari stesen transit) dibenarkan.</p>